

05 JUL 2002

DR MAHATHIR BERLEPAS KE CHIANG MAI

ALOR SETAR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Chiang Mai bagi melakukan lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Pesawat khas membawa Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, pada 4 petang ini.

Turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan para pemimpin Barisan Nasional Kedah.

Sebelum itu, Dr Mahathir melakukan lawatan ke Kubang Pasu.

Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra di Chiang Mai dan diikuti perbincangan rasmi di Bangkok keesokannya.

Semasa sidang akhbar di Jitra hari ini, Dr Mahathir berkata pertemuan dengan Thaksin bertujuan membincangkan pelbagai isu dua hala termasuk projek saluran gas Petronas yang melibatkan dua negara selain perdagangan dan kerjasama antara kedua-dua negara itu.

-- BERNAMA

MZM NAK